

# Kurang peka punca warisan negara dilupakan

**KUALA LUMPUR 24 Mac**

**M**ac - Kurang kepekaan serta kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang kepentingan memulihara seni bina tradisional dikenal pasti punca utama warisan negara itu semakin dilupakan.

Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara, Dr. Zainah Ibrahim berkata, sikap kurang peka itu jika dibiarkan berterusan akan memberi kesan yang tidak baik terhadap warisan dan tradisi Melayu.

Katanya, kerja-kerja pemuliharaan perlu dilakukan bagi mengekalkan kekuahan bangunan lama serta bangunan yang telah diwartakan sebagai tapak warisan agar tidak terbiar begitu sahaja.

"Jabatan Warisan Negara telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan kerja-kerja pemuliharaan mengikut Akta 645, Akta Warisan Kebangsaan 2005 iaitu bagi meneruskan usaha untuk mengekal dan memulihara.

"Usaha ini mengambil kira kepentingan dari segi nilai sejarah warisan, usia serta fungsi dan bahan binaan yang digunakan. Fokus untuk pemuliharaan ini adalah menjaga, pelihara, membaik pulih dan kalau sesuatu bangunan

itu telah roboh, kita akan bina semula," katanya.

Zainah berkata demikian dalam sesi pertama pembentangan bertajuk Pengkajian dan Pelestarian Seni Bina Melayu: Signifikan, Isu dan Cabaran dalam Wacana Prakongres Budaya 2017 bertemakan Warisan Seni Rupa Bangsa

di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini hari ini.

Ahli-ahli panel yang lain dalam sesi berkenaan ialah pensyarah Seni Bina Universiti UCSI, Prof. Dr. Mohd. Ta-judin Mohd. Rasdi serta Kon-servator dan Pengarah NTQT Sdn. Bhd., Shaari Md. Saod.

Kata Zainah, usaha lain yang dilakukan bagi memulihara bangunan dan seni bina tradisional adalah dengan mewartakannya sebagai warisan dan warisan kebangsaan.

Jelasnya, sehingga kini sebanyak 454 objek ketara dan tidak ketara telah diwartakan sebagai warisan serta warisan kebangsaan sejak 2006.

Dalam pada itu Zainah berkata, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sedang mengkaji semula Dasar Warisan Kebangsaan bagi menyelesaikan isu yang timbul berkenaan pemuliharaan bangunan lama.



## **Resolusi Wacana Prakongres budaya 2017**

**Tajuk: Pengkajian Pelestarian Manuskrip Melayu: Signifikan, Isu dan Cabaran**

**KUPASAN TAJUK:**

- Kepentingan pengkajian seni bina manuskrip Melayu, isu dan cabaran yang dihadapi
- Usaha pelestarian manuskrip Melayu

**DRAF RESOLUSI:**

1. Menjadikan Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) sebagai mata pelajaran yang akan merangkumkan pengajaran manuskrip Melayu.
2. Semua kurikulum bidang akademik merangkumkan elemen-elemen manuskrip Melayu.
3. Mata pelajaran tulisan jawi lama diwajibkan seawal sekolah rendah.
4. Manuskrip Melayu diperdanakan dalam bentuk rancangan televisyen dan juga diadaptasikan dalam filem, drama televisyen dan arus perdana.
5. Puisi pengajaran Melayu diwujudkan semula sebagai usaha untuk menjana pengkajian manuskrip Melayu.
6. Mempergiatkan lagi pendigitalan manuskrip Melayu.
7. Mewujudkan satu pangkalan data yang secara khusus merangkumkan semua koleksi digital manuskrip Melayu.
8. Menjadikan manuskrip Melayu sebagai produk pelancongan Malaysia.
9. Mewujudkan biasiswa yang mendanai kajian pelajar dalam bidang manuskrip Melayu.
10. Mewujudkan Perpustakaan Diraja di Istana Negara dengan diketuai seorang Pustakawan Diraja.
11. Mempergiatkan pencalonan manuskrip Melayu sebagai 'Memory of the World'.
12. Menyarankan supaya pengkajian dalam bidang teknologi maklumat serta media baharu turut sama merangkumkan manuskrip Melayu dalam kurikulum mereka.